

15 OCT 2003

OIC-Buku

DUA BUAH BUKU MENGENAI DR MAHATHIR DILANCARKAN PADA SIDANG KEMUNCAK OIC

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Dua buah buku mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilancarkan sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

Buku pertama bertajuk "Dr Mahathir Mohamad from an Arabic & Islamic Perspective" karya Dr Abdulrahim Abdulwahid dari Emiriyah Arab Bersatu. Ia dilancarkan oleh Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Sebuah lagi buku bertajuk "Mahathir The Secret of the Malaysian Success" dilancarkan oleh Duta Bosnia Herzegovina ke Malaysia Hajrudin Somun, yang juga merupakan pengarang buku berkenaan.

Semasa berucap melancarkan buku yang ditulis oleh Dr Abdulrahim, Setiausaha Agung OIC Dr Abdelouahed Belkeziz berkata sejak Dr Mahathir menerajui kepimpinan negara pada 1981, beliau mula meletakkan asas yang kukuh terhadap kemajuan negara ini dengan bersandarkan kepada pendidikan dan ekonomi.

Belkeziz berkata Dr Mahathir memimpin revolusi politik, ekonomi dan saintifik yang tulen, dengan menukarkan Malaysia daripada sebuah negara berasaskan pertanian yang mundur kepada sebuah negara yang berkembang maju dan membangun.

"Beliau menukarkannya menjadi contoh ikutan negara-negara membangun dan dunia Islam, sehinggakan ia dikenali sebagai "Jepun Dalam Dunia Islam' dengan kadar celik huruf sebanyak 93 peratus," kata beliau dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Penolong Setiausaha Agung OIC Azzat Mufti.

Beliau berkata buku yang ditulis dalam bahasa Arab itu sudah tentu akan mendapat sambutan baik dari kalangan pembaca Arab, yang meliputi ahli politik sehinggalah kepada ketua pendapat masyarakat disebabkan keunikan pengalaman perintis yang dicapai oleh Malaysia.

Sementara itu, Dr Abdulrahim berkata buku hasil tulisannya itu bukan merupakan kempen promosi tetapi dihasilkan selepas melawat Malaysia lebih 10 kali.

Beliau berkata buku itu membincangkan tentang kejayaan Dr Mahathir dalam semua isu dan tindakan beraninya memberikan sokongan terhadap perpaduan Islam serta perjuangan Arab semasa menghadapi cabaran-cabaran baru dalam liga serantau dan antarabangsa.

Hajrudin pula berkata buku itu yang pada asalnya ditulis dalam bahasa Bosnia merupakan penghormatan kepada Dr Mahathir, Malaysia dan rakyatnya yang memberikan sokongan padu kepada Bosnia Herzegovina semasa perang.

"Saya datang ke Malaysia tahun lepas dan setelah beberapa bulan berada di sini, saya jatuh cinta dengan Malaysia serta Dr Mahathir dan memutuskan untuk menulis sebuah buku tentang pemimpin ulung ini," katanya kepada pemberita pada pelancaran itu.

Beliau berkata cara Dr Mahathir membangunkan Malaysia merupakan contoh yang baik untuk diikuti oleh negaranya dan Malaysia telah menunjukkan bagaimana Islam boleh disesuaikan dengan dunia moden.

Hajrudin turut melancarkan sebuah lagi buku yang ditulisnya, "Bosnia Today" untuk memberitahu rakyat Malaysia mengenai Bosnia Herzegovina pada hari ini.

Beliau berkata dengan memperolehi gambaran sebenar mengenai negaranya, lebih banyak syarikat Malaysia akan berminat untuk melabur di sana.

-- BERNAMA

MT AZZ ROS

